

DATE: **10 FEBRUARY 2015 (TUESDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – SISTEM ONLINE BENDUNG RASUAH – PG.22**

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 10 FEBRUARI 2015

Elak pegawai imigresen bersemuka dengan pelanggan

Sistem online bendung rasuah

Oleh **ILAH HAFIZ AZIZ**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 9 FEB.**

KETUA Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Mustafa Ibrahim yakin bahawa sistem kerja secara online yang dilancarkan baru-baru ini mampu menyelesaikan kes salah laku rasuah dalam kalangan pegawainya.

Katanya, perkhidmatan online yang dilaksanakan itu sebenarnya bukan sahaja bertujuan untuk memantapkan prosedur operasi standard (SOP) jabatan malah salah satu perancangan khusus untuk mengelakkan penyelewengan akibat rasuah.

“Tujuan kita memperkenalkan sistem dalam talian adalah untuk memantapkan operasi yang sedia ada malah dengan sistem ini, cara kerja yang berisiko terjadinya rasuah dalam kalangan pegawai akan berkurangan kerana tiada aktiviti *face to face*.”

“Pegawai tidak akan bersemuka dengan pelanggan atau warga asing atau *runner* di kaunter malah mengambil peluang bertemu di luar pejabat, sekali gus akan

mengelakkan risiko rasuah.

“Perkara inilah yang amat ditekankan oleh saya ketika mengambil-alih jabatan ini beberapa bulan lalu, kerana kita mahu imigresen bebas daripada sebarang masalah integriti yang akhirnya membawa kepada perilaku rasuah,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini semalam.



MUSTAFA IBRAHIM

Mengulas tentang perkhidmatan online yang mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, Mustafa menyatakan, beliau kesal apabila sistem itu tidak dilihat daripada sudut yang positif yang memberi pelbagai kebaikan untuk jabatan serta masyarakat.

KDN telah melaksanakan proses pembaharuan permit pekerja asing secara dalam talian di Semenanjung Malaysia secara berperingkat-peringkat bermula 24 Disember 2012 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 5 Januari lalu.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa masalah integriti dan kekurangan nilai murni dalam kalangan pegawai imigresen dilihat menjadi punca utama salah laku berkaitan rasuah dalam agensi kerajaan itu.

Ini berikutan kes lapan pegawai imigresen ditangkap kerana terlibat dalam sindiket menjual Pas Lawatan Sosial (PLS) kepada warga asing di Sabah.

Dalam perkembangan sama, Mustafa berkata pihaknya akan mengukuhkan Unit Integriti yang sedia wujud dalam jabatan itu dengan menjalankan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah SPRM dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).

Tambahnya, Jabatan Imigresen juga akan memperhebatkan operasi membanteras pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan menyasarkan majikan yang melindungi warga asing itu.

Beliau memberi amaran kepada majikan yang bertindak sebegitu supaya berwaspada kerana Op Ikrar yang dilancarkan semingggu lalu akan memburu dan membawa mereka ke muka pengadilan dengan tindakan tegas.

“Satu pasukan khas telah ditubuhkan dan risikan-risikan akan dijalankan secara terperinci untuk mencari mana-mana majikan di negara ini yang bertindak melindungi PATI atau memaksa mereka bekerja secara haram.

“Op Ikrar ini akan berlangsung seiring dengan operasi-operasi biasa yang dilaksanakan Imigresen negeri,” katanya.